

PM tegur kakitangan awam gagal hafal lagu *Cemerlang, Gemilang, Terbilang*

UM - 5/6/2007

PUTRAJAYA 4 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menegur segelintir kakitangan awam yang masih tidak dapat menghafal lagu *Cemerlang, Gemilang, Terbilang* yang sering kali dinyanyikan pada majlis-majlis rasmi kerajaan.

Beliau berkata, walaupun makin ramai yang menghafalnya, masih ada segelintir yang tidak menyanyikan lagu itu.

"Saya perhatikan bila nyanyi lagu ini, makin ramai yang dah hafal, tapi masih ada

lagi yang tak nyanyi, senyap saja.

"Nyanyian ini bukan haram, bukan ditegah. Seni katanya pun bukan seni kata yang kotor tetapi sebagai satu peringatan kepada kita dalam nada menggembirakan dan memudahkan seseorang itu menghayati setiap perkataan dalam lagu itu," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Menurutnya, seni kata lagu tersebut sa-

ngat bererti kepada rakyat Malaysia dan ia patut dihayati kerana ia bukan satu perkara yang dianggap tidak ada kebaikan langsung.

Katanya, lagu berkenaan telah menjadi lagu misi nasional dengan niat dan tujuannya ialah untuk meningkatkan kesungguhan dalam menghadapi apa juga cabaran supaya menjadi kemegahan kepada bangsa dan negara.

Menurut beliau lagi, untuk mencapai kemegahan seperti yang terkandung da-

lam seni kata lagu itu bukan suatu perkara yang tidak baik atau satu kesombongan tetapi sebagai satu kejayaan yang diraikan bersama-sama dengan perasaan gembira.

"Cuma kita tidaklah sampai lupa daratan dengan kejayaan yang kita peroleh itu. Itu yang penting. Setiap kejayaan itu memberi kegembiraan kepada kita dan kita bersyukur kepada Tuhan dengan kejayaan itu. Itulah yang kita tuntutan agar ia difahami," katanya.